

KUALA LUMPUR, 23 APRIL (BERNAMA) -- KEPUTUSAN MENGENAI CARA PEMBAYARAN TUNGGAKAN BAGI SEKIM GAJI BARU UNTUK 560,000 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN AKAN DIBUAT SEBELUM BULAN JULAI, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU MEMBERITAHU PARA PEMBERITA, SETAKAT INI KERAJAAN BELUM LAGI MEMBUAT SEBARANG KEPUTUSAN KERANA IA MASIH MENUNGGU LAPURAN DARI JAWATANKUASA KHAS PERBENDAHARAAN YANG DITUBUHKAN UNTUK MENGENAI CARA PEMBAYARAN TUNGGAKAN.

DR. MAHATHIR MENAFIKAN LAPURAN-LAPURAN AKHBAR KONONNYA TUNGGAKAN AKAN DIBAYAR SECARA ANSORAN BULANAN SEBANYAK LIMA KALI.

LAPURAN INI TIDAK BERASAS DAN TIDAK BENAR, + KATANYA.

DR. MAHATHIR TELAH BERCAKAP SELEPAS BERUNDING DENGAN MENTERI LUAR AUSTRALIA, ENCIK ANDREW PEACOCK DI PEJABATNYA.

BELIAU BERHARAP PIHAK AKHBAR +TIDAK LAGI MEMBUAT SPEKULASI SEPERTI ITU KERANA IA HANYA AKAN MENGHAMPAKAN HARAPAN KAKITANGAN AWAM.

DR. MAHATHIR YANG JUGA Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai SEKIM GAJI BARU MEMBERI JAMINAN BAHAWA SEMUA ANOMALI DI BAWAH SEKIM ITU AKAN DIBETULKAN.

MEREKA YANG MEMERLUKAN PENJELASAN BOLEH MENGHUBUNGI BILIK GERAKAN KHAS DI JABATAN PERKHIDMATAN AWAM. --BERSAMBUNG 1605/8Y

0900:

MAHATHIR - TUNGGAKAN 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI SURUHANJAYA IBRAHIM ALI, BELIAU BERKATA SURUHAN-JAYA TERSEBUT MASIH LAGI MENJALANKAN TUGAS DAN KERAJAAN SEDANG MENGENAI SEMULA KEDUDUKANNYA.

BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDANG DALAM PROSES MENUBUHKAN SEBUAH BADAN BEBAS DENGAN KUASA PERUNDANGAN BAGI MENGENAI SOAL PERUNDINGAN DAN TUNTUTAN GAJI PADA MASA DEPAN.

MENYENTUH TENTANG SIMPANAN BERAS, DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MENGAMBIL KEPUTUSAN HENDAK MENAMBAHKAN SIMPANAN TERSEBUT MEMANDANGKAN MUSIM KEMARAU DI BEBERAPA KAWASAN PENGELUARAN PADI SEKARANG.

BAGAIMANAPUN BELIAU TIDAK MENGUMUMKAN BENTUK SIMPANAN TERSEBUT.

DR. MAHATHIR BERKATA JABATAN KAJI CUACA MAHU MENEMBAK AWAM DENGAN BAHAN KIMIA UNTUK MENURUNKAN HUJAN DI KAWASAN-KAWASAN TERLIBAT TETAPI TIDAK ADA AWAN HENDAK DITEMBAKKAN. +

SEBELUM ITU DR. MAHATHIR TELAH MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MENGENAI BAHAN-BAHAN PERLU.

KATANYA BELIAU TELAH DIBERITAHU OLEH PEGAWAI-PEGAWAI JABATAN KAJI CUACA DI MESYUARAT TERSEBUT BAHAWA AWAN BOLEH DIBUAT DAN KEMUDIAN DIPECAHKAN. KATANYA INI TELAH DILAKUKAN DI NEGERI THAI.

SAYA JUGA DIBERITAHU BAHAWA DI NEGERI THAI ADA LAPAN BUAH KAPALTERBANG KHAS YANG MENGELUARKAN AWAM DAN KEMUDIAN MELETUPKANNYA BAGI MENGELUARKAN HUJAN, + KATANYA.

+KITA BERHARAP PERKARA YANG SAMA DAPAT DILAKUKAN DI MALAYSIA, + TAMBAHNYA. -- BERSAMBUNG 1633/ZCM

20

B559:

MAHATHIR - TUNGGAKAN 3 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR BERKATA SEBUAH JAWATANKUASA SEMENTARA DIPENGERUSIKAN OLEH PENERUSI MADA, DATUK SYED NAHAR SHAHABUDDIN TELAH DITUBUHKAN BAGI MENGAJAI KEMUNGKINAN MENEMBAK BAHAN KIMIA KE DALAM AWAN DI KAWASAN-KAWASAN KEMARAU DI SEKIM MUDA.

JAWATANKUASA TERSEBUT MENGANDUNGI WAKIL-WAKIL DARI KEMENTERIAN PERTAHANAN, JABATAN KAJICUACA, UNIVERSITI MALAYA DAN JABATAN PERTANIAN.

MENYENTUH TENTANG RUNDINGANNYA DENGAN ENCIK PEACOCK, DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA TELAH MEMBINCANGKAN BANYAK PERKARA DAN MASALAH BERSAMA YANG DIHADAPI OLEH KEDUA-DUA BUAH NEGARA.

PERKARA YANG DIBINCANGKAN TERMASUK MASALAH PENUNTUT MALAYSIA DAN PENGHIJRAH-HIJRAH.

BELIAU BERKATA PERSETUJUAN TELAH DICAPAI BAGI MEMBENARKAN KEMENTERIAN PELAJARAN KEDUA-DUA BUAH NEGARA MENGAJAI DENGAN SELENGKAPNYA TENTANG PEMILIHAN PENUNTUT MALAYSIA YANG HENDAK BELAJAR DI AUSTRALIA.

KATANYA BELIAU JUGA TELAH MEMBINCANGKAN KONTREK GULA SECARA JANGKA PANJANG DENGAN AUSTRALIA. BELIAU BERKATA RUNDINGAN MENGENAI KONTREK SEKARANG AKAN DILAKUKAN SECARA LANGSUNG DENGAN LEMBAGA GULA QUEENSLAND. -- BERSAMBUNG 1638/ZCM

B559:

MAHATHIR - TUNGGAKAN 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI IJAZAH PERUBATAN MALAYSIA YANG TIDAK DIKTIRAF DI AUSTRALIA, DR. MAHATHIR BERKATA SOALNYA BUKAN TIDAK DIKTIRAF TETAPI GRADUAN PERUBATAN DARI UNIVERSITI MALAYA TIDAK BOLEH MEN-DAFTARKAN DIRI DI SANA.

BELIAU GEMBIRA YANG GRADUAN TEMPATAN TIDAK DIDAFTARKAN DIRI DI SANA KERANA INI AKAN MENOLONG MENGHALANG MEREKA DARI BERHIJRAH KE AUSTRALIA.

SEBELUM ITU, ENCIK PEACOCK TELAH MENGUNJUNGI MENTERI PENERA-NGAN, DATUK AMAR HAJI TAIB MAHMUD DI PEJABATNYA. -- BERNAMA
1638/ZCM

212